

HBP ECHO

PENDAHULUAN

ECHO ialah impak bunyi yang dihasilkan dari dram yang sangat relevan dengan HBP. Hal ini kerana dram merupakan dewan pameran HBP yang menjadi imej bagi HBP. Drum HBP merupakan tempat yang menghimpunkan para pensyarah, pelajar, kakitangan pentadbiran dan sokongan untuk semua aktiviti dan peristiwa seperti hari viva pelajar, persidangan pelajar, pameran hasil kerja pelajar dan pensyarah, majlis jamuan makan, majlis keraian dan sebagainya. Kesemua daripada kita sangat sinonim dengan dram. Tambahan pula dram mempunyai maksudnya yang tersendiri iaitu sekumpulan ahli pukulan alat-alat muzik, yang dikenali kerana bentuknya dan mampu menghasilkan bunyi.

'H' berwarna merah mewakili Hbp manakala jika **ECHO** tanpa 'H' menjadi **ECO** sangat berkait dengan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan iaitu *Ecological Design, Ecotecture, Environment, Sustainable* dan sebagainya. Dan pastinya **ECHO** ialah gema yang menjadi lambang suara HBP dalam menyatakan dan menyuarakan pendapat, pemikiran, idea dan sebagainya. Oleh yang demikian, buletin ini dinamai sebagai **HBP ECHO**.

OBJEKTIF

Objektif **HBP ECHO** adalah untuk melaporkan semua aktiviti PBP dari peringkat pentadbiran dan sokongan, peringkat akademik dan pelajar PBP. Hal ini bertujuan berkongsi ilmu dan maklumat, menyampaikan fakta dan isu-isu semasa berkaitan PBP, mengemaskini data dan maklumat berkaitan program-program yang ditawarkan oleh PBP sekali gus dapat menerapkan konsep keterlibatan bersama dalam kalangan kakitangan pentadbiran dan sokongan, kakitangan akademik dan pelajar PBP. Hal ini kerana pelajar merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam institusi akademik.

SKOP

Skop **HBP ECHO** ialah merangkumi semua aktiviti PBP dari peringkat pentadbiran dan sokongan, peringkat akademik dan pelajar PBP.

KONSEP

HBP ECHO berkonsepkan santai untuk menarik minat pembaca mengikuti keluarannya pada setiap semester dan sebagai satu medium pengantara antara kakitangan pentadbiran dan sokongan, kakitangan akademik dengan pelajar PBP.